

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

su pengangguran dan peluang pekerjaan terus menjadi perhatian semua pihak terutamanya pihak kerajaan sehingga terpaksa mengadakan Mesyuarat Khas Kabinet, baru-baru ini.

Ia membabitkan menteri dan pegawai kanan kementerian yang memberi tumpuan kepada perbincangan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Ini satu tindakan yang sangat wajar kerana pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mewujudkan sebanyak mungkin peluang pekerjaan kepada rakyat.

Dalam hal ini, penulis tertarik dengan cadangan kerajaan untuk membangunkan ekonomi rakyat dengan menjadikan Malaysia sebagai negara usahawan.

Semakin jelas, kerajaan berlitzam dan sangat komited menyediakan peluang pekerjaan dan membangunkan ekonomi rakyat. Namun, hakikatnya kita perlu akui prestasi ekonomi global masih tidak begitu memberangsangkan dan ini banyak memberi kesan kepada pemacuan ekonomi negara. Ditambah pula dengan keadaan nilai mata wang negara yang belum stabil sepenuhnya.

Natijahnya, peluang pekerjaan tidak dapat ditambah dan ditingkatkan secara mendadak seperti yang diinginkan oleh masyarakat.

Umumnya, peluang pekerjaan sentiasa ada dan bertambah, namun pertambahan itu berlaku pada kadar yang agak perlahan kerana dipengaruhi pelbagai faktor dalaman dan luaran. Ia adalah cabaran besar kepada kerajaan yang bukan saja terpaksa melakukan pelbagai inisiatif untuk kembali memacu pertumbuhan ekonomi serta memulihkan dan membangunkan negara, tetapi perlu juga memenuhi keperluan rakyat yang mahukan lebih banyak pekerjaan dicipta secara berterusan.

Menyedari hakikat dan cabaran ini, eloklah kerajaan mahupun rakyat meneroka bidang keusahawanan sebagai platform kerja yang baharu. Walaupun ia bukan inisiatif baharu, masih banyak yang boleh kita lakukan untuk menyuburkan budaya keusahawanan dalam kalangan anggota masyarakat terutamanya golongan belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian. Ia penting kerana keusahawanan belum menjadi budaya rakyat kita.

Golongan belia, graduan dan pencari kerja perlu terima kenyataan betapa bilangan pencari kerja semakin bertambah dan penambahan ini tidak seiring dengan penambahan peluang pekerjaan disebabkan pelbagai

faktor persekitaran dalaman dan luaran yang saling berkait.

Malah, zaman kerja mencari kita juga sudah lama berlalu. Kita akui generasi ibu bapa kita pernah merasai era berkenaan di mana mereka memperoleh pelbagai tawaran kerja termasuk sebelum tamat pengajian di universiti kerana ketika itu jumlah graduan tidak ramai manakala peluang pekerjaan semakin meningkat.

Ini menyebabkan majikan berebut untuk mendapatkan graduan. Berbeza sekarang, keadaan sudah berubah sama sekali di mana majikan sudah ada terlalu banyak pilihan. Bukti setiap jawatan kosong yang diiklankan dimohon oleh ribuan graduan yang sedang menunggu dan dahagakan peluang pekerjaan.

Oleh itu, sudah tiba masanya graduan dan pencari kerja berfikir di luar kotak, buang jauh-jauh mentaliti makan gaji dan mesti bekerja dalam perkhidmatan awam. Terokalah bidang keusahawanan sebagai platform kerja yang bukan saja boleh memberikan pekerjaan kepada kita tetapi juga boleh mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain.

Graduan terutamanya perlu menyangut cabaran ini dengan mengubah sikap dan pemikiran

supaya boleh melihat kelebihan dan kebaikan bidang keusahawanan. Pihak universiti sentiasa menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk bakal graduan menceburji bidang keusahawanan. Pelbagai kursus dan program bimbingan yang tersusun disediakan sehingga bakal graduan boleh mendaftar dan membuka syarikat sendiri ketika bergelar mahasiswa lagi.

Jadi mahasiswa sepatutnya merebut peluang ini supaya dapat berkecimpung dalam dunia keusahawanan sejak dari kampus dan kemudiannya dikembangkan lagi apabila bergraduat kelak. Malangnya, tidak ramai yang ambil peluang ini dan akhirnya menundung jari menyalahkan orang lain apabila menjadi penganggur selepas bergraduat.

Alasan klié seperti tiada pengalaman, takut gagal serta tiada modal untuk memulakan perniagaan atau menjadi usahawan tidak wajar didendangkan lagi. Pada zaman digital dan maklumat di hujung jari ini, kita sepatutnya lebih objektif dan positif. Terlalu banyak inisiatif dan skim disediakan kerajaan termasuk pinjaman mudah yang boleh digunakan untuk memulakan perniagaan walaupun secara kecil-kecilan.

Jadi, janganlah terus hidup

dalam sindrom penafian dengan pelbagai alasan. Kita percaya kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan akan terus mencipta lebih banyak lagi program pembangunan usahawan serta inisiatif dan insentif untuk menggalakkan lebih ramai golongan belia menyertai bidang keusahawanan demi mencapai impian menjadi negara usahawan.

Bagi penulis semuanya bergantung kepada sikap kita sendiri. Andai kita merasakan bidang keusahawanan ini sesuatu yang sangat sukar dan menyusahkan, maka ia akan menjadi susah dan begitulah sebaliknya.

Kita harap golongan belia akan memahami hasrat kerajaan yang mahu membantu rakyat membangunkan ekonomi diri dan keluarga melalui bidang keusahawanan. Percayalah bidang ini tidak pernah mengecewakan. Mungkin banyak cabaran pada peringkat permulaan tetapi jadikanlah itu semua sebagai pengajaran dan iktibar serta jangan cepat putus asa.

Ingatlah apabila semuanya stabil, kukuh dan berjalan lancar, bidang ini menjanjikan pulangan yang cukup lumayan. Dalam konteks ini, diharap ibu bapa akan memainkan peranan yang sewajarnya. Berilah galakan

dan suntikan motivasi kepada anak supaya menceburkan diri dengan bidang keusahawanan.

Sedarkan mereka bidang ini mempunyai masa depan cerah serta mampu memberikan impak nilai ekonomi yang tidak terhad asalkan kita rajin berusaha. Untuk itu, terapkan minda keusahawanan dalam diri mereka sejak di bangku sekolah lagi supaya mereka lebih bersedia kelak. Jadikanlah keusahawanan sebagai kerjaya anak kita.

Ironinya, semua pihak baik ibu bapa, sekolah, institusi pendidikan tinggi dan kerajaan perlu memainkan peranan masing-masing jika mahu mencapai impian menjadi negara usahawan. Cabaran terbesar kita untuk mencapai impian ini adalah sejauhmana kita mampu mengubah persepsi dan penerimaan golongan belia terhadap bidang keusahawanan. Jika semua pihak dapat membantu mencetuskan gelombang keusahawanan dengan menyediakan ruang dan peluang yang sewajarnya kepada golongan belia, penulis percaya mereka akan memberanikan diri untuk mencuba nasib dalam bidang usahawan.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan